

28/02/1998

Malaysia, Singapura semakin akrab

SEMUA pihak sepakat mengenai lawatan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong ke Kuala Lumpur baru-baru ini menandakan perhubungan Malaysia-Singapura bertambah kukuh daripada keadaan sebelumnya. Lawatan Goh menyusul kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Singapura sebelum itu. Tiga isu penting menjadi agenda perbincangan kedua-dua pemimpin itu. Isu itu ialah tanah milik Keretapi Malaysia di Tanjung Pagar, perbekalan air ke Singapura dan isu hak milik Pulau Batu Putih yang terletak kira-kira 15 kilometer dekat pantai Johor.

Ketiga-tiga isu itu dibincangkan dan kata sepakat dicapai sekali gus membuka ruang penyelesaian secara perundingan. Isu Pulau Batu Putih akan dirujuk kepada Mahkamah Antarabangsa di Belanda. Mengenai isu perbekalan air ke Singapura, Malaysia bersetuju meneruskan perbekalan air itu selepas perjanjian antara kedua-dua pihak berakhir pada tempoh yang ditetapkan pada 2011 dan pada 2061.

Mengenai tuntutan yang bercanggah terhadap Pulau Batu Putih, rundingan akan diteruskan antara kedua-dua pihak sebelum isu itu dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa seperti yang dipersetujui Dr Mahathir dan Goh di Langkawi pada September tahun lalu.

Perhubungan antara kedua-dua negara seperti diketahui menjadi agak retak berikutan kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew mengenai Johor pada Mac tahun lalu. Lee kemudiannya meminta maaf tanpa syarat dan menarik balik kenyataannya. Ini diterima baik oleh kerajaan Malaysia tetapi kedua-dua pihak mengakui pemulihan perhubungan antara mereka kepada keadaan sediakala akan mengambil waktu. Usaha memulihkan perhubungan itu tidak selamanya berjalan lancar tetapi tidak syak lagi di samping itu banyak perkembangan positif dilakukan bersama untuk meletakkan kembali perhubungan itu pada asas yang kukuh. Satu daripadanya ialah pembukaan jambatan baru yang mencantumkan kedua-dua negara itu. Ini menandakan keyakinan terhadap masa depan perhubungan kedua-dua negara.

Singapura dan Malaysia adalah dua tetangga yang paling erat diikat oleh perhubungan sejarah, budaya dan sosial. Tidak kurang pentingnya ialah perhubungan ekonomi yang amat rapat antara kedua-dua negara itu. Sebagai jiran paling terdekat tentulah perhubungan itu kadang-kadang dijejaskan oleh pelbagai masalah. Seperti kata pepatah, lidah dengan gigi ada kalanya tergigit, inikan pula sesama dua sahabat. Berikutan pemisahannya dengan tanah besar Semenanjung, Singapura berkembang dan maju sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka. Malaysia juga berkembang dan membangun menurut acuannya dan caranya sendiri. Masing-masing membentuk identitinya dan sudah tentu dalam proses menyesuaikan diri dengan keadaan baru, kedua-duanya menghadapi masalah mengendalikan perhubungan antara satu sama lain.

Bagaimanapun, betapa serius salah faham, tidak pernah pula perselisihan itu menjejaskan dasar persahabatan dan kekeluargaan yang wujud antara kedua-dua negara. Ini kerana sikap keterbukaan mendasari perhubungan mereka.

Perhubungan itu diperkukuh oleh kerjasama ekonomi. Pelabur Singapura di Malaysia adalah pelabur terpenting. Perdagangan dengan Singapura adalah kedua besarnya dalam perdagangan Malaysia dengan negara luar. Ada lebih 200,000 warga negara Malaysia mencari nafkah di republik itu. Kira-kira 50,000 lagi berulang alik dari Johor ke republik itu tiap hari untuk bekerja. Dengan terbukanya jambatan yang menyambung Tuas di Singapura dan Tanjung Kupang di Johor, hubungan itu sudah pasti lebih erat.

Kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini menyebabkan perhubungan antara kedua-dua negara lebih erat. Singapura memainkan peranan penting bersama-sama tetangganya mengatasi kemelut ekonomi serantau. Tidak syak lagi perhubungan dengan Singapura akan lebih erat pada masa depan. Tetapi kedua-dua pihak wajar belajar daripada pengalaman lalu. Kita percaya pemimpin kedua-dua negara cukup matang untuk tidak mengulangi kesilapan masa lalu. Sudah tentu perhubungan pada masa depan akan ditandai pelbagai masalah. Tetapi jika ada kejujuran dan keikhlasan kedua-dua pihak, tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan.

Ketiga-tiga isu yang dirundingkan dan disepakatkan Dr Mahathir dan Goh adalah sensitif belaka. Soal perbekalan air adalah isu sensitif antara tetangga. Singapura khususnya amat sensitif terhadap masalah perbekalan air. Ia bergantung kepada Johor untuk mendapatkan perbekalan airnya. Dr Mahathir berjanji Malaysia akan tetap memberikan perbekalan air kepada Singapura selepas tahun 2061. Malaysia sendiri menghadapi masalah perbekalan air. Melaka misalnya menghadapi masalah perbekalan air. Pengotoran sungai dan pembalakan di hutan tanpa kawalan mengakibatkan banyak sumber perbekalan air terjejas di beberapa negeri. Lawatan Goh menandakan pemulihan perhubungan kedua-dua tetangga itu kepada keadaan sedia kala sambil menjanjikan satu tahap baru yang akan membawa kepada kerjasama lebih positif. Ia juga meletakkan asas kukuh semua masalah antara kedua-duanya pada masa depan akan diselesaikan dengan semangat kekeluargaan dan kejiranan.

(END)